



15 JUN, 2024

Kastam rampas rokok seludup bernilai hampir RM700,000

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2



Lori yang membawa muatan rokok seludup bernilai RM682,550 dirampas di Kuala Besut, Ahad lalu. (Foto ihsan JKDM)

Kastam rampas rokok seludup bernilai hampir RM700,000

Besut: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas sejumlah RM 682,550 rokok seludup, di Kuala Besut, pada Ahad lalu.

Pengarah Kastam Terengganu, Mohd Nadzri Ariffin, berkata satu pasukan operasi Bahagian Penguatkuasaan JKDM menyita sebuah lori bermuatan kotak rokok disyaki barang larangan import, yang ditinggalkan, kira-kira jam 7 pagi pada 9 Jun lalu.

Beliau berkata, sejumlah 850,000 batang rokok yang dianggarkan bernilai RM110,500 dan membabitkan jumlah cukai sebanyak RM572,050 berjaya dirampas.

“Jumlah nilai rampasan termasuk cukai adalah RM682,550. Lori berserta eksibit rokok kes dibawa ke Pejabat Kastam Cawangan Penguatkuasaan Stesen Kemaman untuk siasatan lanjut,” katanya dalam satu kenyataan media, di sini semalam.

Beliau berkata, modus operandi sindiket penyeludupan berkenaan menggunakan lori jenis bonded bagi pengedaran rokok seludup ke pasaran luar Terengganu.

Orang awam diminta menyalurkan maklumat berkaitan penyeludupan di talian bebas tol Kastam 1-800-88-8855 atau Pejabat Kastam yang terdekat di semua negeri.



15 JUN, 2024

Kastam rampas rokok seludup bernilai hampir RM700,000

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Besut: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas sejumlah RM 682,550 rokok seludup, di Kuala Besut, pada Ahad lalu. Pengarah Kastam Terengganu, Mohd Nadzri Ariffin, berkata satu pasukan opera - si Bahagian Penguatkuasaan JKDM menyita sebuah lori bermuatan kotak rokok disyaki barang larangan import, yang ditinggalkan, kira-kira jam 7 pagi pada 9 Jun lalu. Beliau berkata, sejumlah 850,000 batang rokok yang dianggarkan bernilai RM110,500 dan membabitkan jumlah cu - kai sebanyak RM572,050 berjaya dirampas.